

## **KEPERCAYAAN KECERDASAN DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU SOROTAN LITERATUR** *(Self Intelligence Belief among Students: A Literature Review)*

SHAZARINA ZDAINAL ABIDIN\*, SUHANA MOHAMED LIP, SUZIANA HANINI  
SULAIMAN, MOHAMAD FUAD ISHAK, SAPIE SABILAN, NORSHILAWANI  
SHAHIDAN & NATASHA ARIFFIN

### ABSTRAK

*Kepercayaan kecerdasan diri memberi pengaruh kepada kejayaan akademik pelajar. Terdapat beberapa kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai kepercayaan kecerdasan diri tinggi berupaya memperoleh pencapaian lebih tinggi dalam akademik berbanding pelajar yang mempunyai kepercayaan kecerdasan diri yang rendah. Kertas konsep ini bertujuan meneliti konsep dan teori-teori berkaitan kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar. Sorotan literatur dijalankan bagi mendapat pemahaman yang lebih tepat dan mendalam tentang terminologi yang berkaitan. Hasil penelitian kepada literatur dan kajian lepas menunjukkan terdapat beberapa teori yang memberi gambaran jelas tentang kepercayaan diri dan kecerdasan seperti Teori Perkembangan Psikososial Eric Erikson, Teori Kepercayaan Diri Lauster, Teori Efikasi Kendiri Albert Bandura, Model Jangkaan Efikasi Kendiri Betz dan Teori Kecerdasan Entiti dan Teori Kecerdasan Peningkatan Dweck & Legget. Pemahaman melalui sorotan teori ini dapat menjadi panduan dalam memahami konsep kepercayaan kecerdasan diri dengan lebih jelas bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam akademik.*

*Kata Kunci: Kepercayaan kecerdasan diri; Teori kepercayaan diri; Teori kepercayaan kecerdasan diri.*

### ABSTRACT

*Self intelligence belief has an influential impact to students' academic achievement. A few studies found that students with higher self intelligence belief were able to obtain higher academic achievement compared to students with lower self intelligence belief. This conceptual paper aims to examine concepts and theories related to self belief, intelligence and self intelligence belief among students. A compilation of literature review studies were done to gain accurate insights and in depth comprehension on related terminologies. The findings on related literature showed several theories which clearly explained on self belief and intelligence concepts; Eric Erikson's Psychosocial Development Theory, Lauster's Self Belief Theory, Albert Bandura's Self Efficacy Theory, Betz's Self Efficacy Expectation Model and Dweck & Legget's Intelligence Entity Theory and Intelligence Development Theory. The findings from this literature review would be an indicator and guideline in comprehending further on the concept of self intelligence belief in enhancing students' academic achievement.*

*Keywords: Self intelligence belief; Self belief theory; Self intelligence belief theory; Self efficacy*

## PENGENALAN

Kepercayaan kecerdasan diri merangkumi kepercayaan diri dan kecerdasan diri itu sendiri. Kepercayaan diri adalah satu daripada aspek yang membentuk keperibadian seseorang individu. Seseorang yang mempunyai kepercayaan yang baik terhadap dirinya tidak akan berasa ragu-ragu atas keupayaan diri sendiri serta bersifat realistik terhadap kehidupan. Bahkan ketika menghadapi kesukaran, mereka kekal berfikiran positif dan dapat menganggap setiap yang berlaku telah ditentukan. Kepercayaan diri adalah pendorong bagi setiap individu dalam menghadapi pelbagai halangan dan cabaran dalam meneroka segala keupayaan diri. Kepercayaan diri mampu memberi lebih motivasi dalam setiap perkara yang dilakukan terutamanya dalam pekerjaan kerana ia adalah suatu keadaan positif yang menjadikan seseorang lebih berpandangan ke hadapan dan pasti dalam setiap langkah bagi menentukan kejayaan dan mencapai matlamat hidup (Desi Natalia Patioran 2013). Kepercayaan diri adalah keyakinan individu terhadap kemampuan dirinya merangkumi segala aspek diri dari segi jasmani, emosi, sosial mahupun intelek.

Kecerdasan diri pula merujuk kepada kematangan akal untuk berfikir, memahami sesuatu dan lain-lain keupayaan pemikiran yang disamaertikan kepada kecerdikan, kepandaian, dan kepintaran (Kamus Dewan 2017). Menurut Azizi Yahaya (2010), kecerdasan merupakan keupayaan mental seseorang untuk membuat persepsi, merekod, mengingat semula, membuat penaaakulan, menyelesaikan masalah dan berdaya kreatif. Menurut Edward Thorndike (seperti yang dinyatakan dalam Robert J. Sternberg. 2000), keupayaan seseorang untuk menjelmakan maklumbalas yang tepat terhadap sesuatu rangsangan yang diperolehi adalah bergantung kepada kecerdasan. David Wechsler (seperti yang dinyatakan dalam Azizi, 2010) pula berpendapat, kecerdasan adalah kemampuan untuk berfikir secara rasional, bertindak dengan sendirinya dan berurusan dengan persekitaran secara efisien. Manakala mengikut Piaget (seperti yang dinyatakan dalam Azizi, 2010), kecerdasan merupakan keupayaan individu menyesuaikan diri pada persekitaran secara fizikal dan sosial.

Oleh yang demikian, kepercayaan kecerdasan diri boleh difahami sebagai keyakinan seseorang terhadap kemampuan inteletiknya bagi menjalankan fungsi seperti dalam proses pembelajaran. Kepercayaan diri yang tinggi akan menjadikan pelajar mengenal dan memahami diri sendiri serta dapat mengoptimumkan segala potensi bagi menempa kejayaan. Manakala, pelajar yang kurang percaya diri akan menghalang perkembangan potensi dirinya. Kepercayaan diri dalam kalangan remaja dilihat pada sikap dan penerimaan mereka pada diri seadanya. Semakin individu kurang percaya diri dan tidak berpuas hati terhadap dirinya, semakin sukar individu itu untuk menentukan keputusan yang terbaik dalam tindakannya (Emria Fitri, Nilma Zola & Ifdil Ifdil 2018). Menurut Fitri, Ifdil & Neviyarni; Desyafmi, Firman & Ifdil (seperti yang dinyatakan dalam Emria Fitri, Nilma Zola & Ifdil Ifdil, 2018) Remaja selalu tidak bermotivasi dalam melakukan sesuatu terutama belajar. Penerimaan pelajar terhadap kecerdasan diri sangat memberi pengaruh kepada pencapaian akademik mereka. Justeru, pemahaman melalui sorotan literatur ini diharap dapat menjadi panduan dalam memahami konsep dan teori kepercayaan kecerdasan diri dengan lebih jelas bagi meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam akademik.


### Latar belakang / Pernyataan Masalah

Perdebatan berkaitan asas dan pengaruh kecerdasan telah berlaku lebih lima dekad yang lalu pada sekitar tahun 1969, apabila seorang ahli psikologi pendidikan Amerika bernama Arthur Jensen menerbitkan artikel yang bertajuk "*How Much Can We Boost I.Q. and Achievement*" dalam Harvard Educational Review. Kemudian kontroversi berkaitan kecerdasan mula membincangkan sama ada keupayaan intelek berpunca daripada keturunan atau persekitaran.

Sebahagian pengkaji menyatakan ianya diwarisi secara semulajadi daripada baka manakala sebahagian yang lain menyatakan ia dipengaruhi oleh persekitaran melalui pembudayaan (Sternberg & Grigorenko seperti yang dinyatakan dalam Robert Sternberg. 2004). Azizi Yahaya (2010), bersetuju dengan pandangan Ahli sains British, Francis Galton yang menyatakan bahawa baka merupakan satu-satunya faktor yang menentukan kecerdasan. Walaubagaimanapun, Scarr-Weinberg berpendapat bahawa kecerdasan adalah tidak statik dan boleh diperbaiki (Azizi Yahaya 2010). Ini menunjukkan kecerdasan juga dipengaruhi oleh persekitaran sosial selain baka.

Aspek kepercayaan diri mempunyai perkaitan dengan pencapaian akademik pelajar. Pandangan ini selari dengan dapatan kajian Nurull Salmi Md. Dazali dan Isha Awang (2017) yang menyatakan keyakinan atau kepercayaan kepada diri adalah salah satu elemen bagi memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Terdapat beberapa kajian lain menunjukkan pelajar yang mempunyai kepercayaan kecerdasan diri tinggi berupaya memperolehi pencapaian lebih tinggi dalam akademik berbanding pelajar yang mempunyai kepercayaan kecerdasan diri yang rendah (Koh Mei Ying & Faridah Mydin Kutty 2020; Gumilar Mulya & Anggi Setia Lengkana 2020). Kajian lepas juga mendapati kebanyakan pelajar masuk ke kelas dengan satu atau dua konsep berkaitan keupayaan intelek sendiri, di mana sebahagian pelajar mempercayai kecerdasan adalah bersifat kekal, manakala sebahagian yang lain mempercayai bahawa kecerdasan mereka boleh dipertingkatkan (Dewar 2010).

Aspek kepercayaan diri ini dibincangkan dalam pelbagai teori psikologi antaranya Teori Psikososial Erik Erikson yang menjelaskan aspek kepercayaan diri yang terbentuk seiring dengan perkembangan sosial individu dalam lingkungannya. Kepercayaan terhadap kemampuan diri juga dikenali sebagai efikasi sendiri dan terdapat juga teori-teori yang membincangkan tentang efikasi sendiri antaranya Teori Efficacy Diri Albert Bandura. Bagi membincangkan konsep-konsep yang berkaitan dengan lebih mendalam dan menjelaskan teori-teori yang menjadi asas kepada kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri, kertas konsep ini menelusuri sorotan literatur yang berkaitan. Kertas konsep ini juga membincangkan kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar berdasarkan teori yang dikemukakan. Rajah 1 di bawah menjelaskan kerangka teori kajian kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri.



Rajah 1 Kerangka teori kajian kepercayaan kecerdasan diri

## Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti konsep dan teori-teori berkaitan kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar dengan melihat beberapa aspek;

- a. Mengenalpasti konsep-konsep yang berkaitan dengan kepercayaan dan kecerdasan diri.
- b. Mengenalpasti teori-teori yang menjadi asas kepada kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri.
- c. Mengkaji kepercayaan kecerdasan diri dalam kalangan pelajar berdasarkan teori yang dikemukakan.

## METODOLOGI KAJIAN

Sorotan literatur dilaksanakan bagi mendapat pemahaman yang lebih tepat dan mendalam tentang terminologi yang berkaitan. Sorotan literatur telah dilakukan melalui carian dalam beberapa pengkalan data seperti Google Scholar, Researchgate, Academia, Malaysian Thesis Online (MyTO) dan UPM eTheses. Sebanyak 30 artikel telah diteliti menggunakan kata kunci teori kepercayaan diri, teori kecerdasan dan teori kepercayaan kecerdasan diri. Pembacaan juga dilakukan melalui kata kunci efikasi sendiri bagi mendapatkan gambaran tentang perbezaan konsep kepercayaan sendiri yang lebih jelas dan perbincangan teori yang berkaitan bagi membantu pemahaman kajian atau penulisan artikel. Pemilihan artikel juga dikhususkan kepada perbincangan yang berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar. Artikel yang tidak mempunyai perbincangan tentang teori yang berkaitan telah dikecualikan daripada pemilihan literatur untuk tujuan kertas konsep ini.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini mendapati terdapat pelbagai teori yang membincangkan tentang aspek kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri. Antara teori yang menjelaskan tentang kepercayaan diri adalah seperti Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson (1950) dan Teori Kepercayaan Diri Lauster (2006). Hasil kajian juga mendapati kepercayaan diri juga digunakan dengan terma lain yang dikenali sebagai efikasi sendiri. Efikasi sendiri juga telah diuraikan dalam kajian ini berdasarkan teori seperti Teori Efikasi Diri Albert Bandura (1982) dan Model Jangkaan Efikasi Diri Betz (2004). Manakala teori yang mendasari perbincangan berkaitan kecerdasan adalah Teori Kecerdasan Umum Spearman, Teori Keupayaan Mental Asas Thurstone, Teori Struktur Intelek J.P Guilford, Teori Kecerdasan Sternberg, Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner dan Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget. Teori kepercayaan kecerdasan yang berkaitan adalah Teori Kecerdasan Entiti dan Teori Kecerdasan Peningkatan Dweck dan Legget (1988).

## Teori Kepercayaan Diri

Terdapat pelbagai teori yang mengkaji tentang aspek kepercayaan diri. Berikut dikemukakan antara teori yang menjadi asas kepada perbincangan berkaitan kepercayaan diri:

## Teori Perkembangan Psikososial

Teori Perkembangan Psikososial dipelopori oleh Erik Erikson adalah rentetan daripada teori psikoseksual yang dikemukakan oleh Sigmund Freud. Walaubagaimanapun, Freud lebih menekankan keperibadian manusia dari segi seksual dan Erikson lebih memilih aspek sosial sebagai pemacu perkembangan peribadi manusia. Menurut Erikson (1950), percaya diri, efikasi diri dan harga diri adalah situasi yang wujud hasil daripada perkembangan keperibadian yang berlaku pada lapan tahap perkembangan psikososial sepanjang kehidupannya. Beliau berpandangan pada setiap peringkat perkembangan tersebut, individu berhadapan dengan konflik yang perlu diatasi dengan sebaiknya. Sekiranya individu tersebut berjaya mengatasi konflik tersebut dengan jayanya, keperibadian yang baik akan terbentuk menjadikan seseorang itu individu yang percaya pada persekitaran mahupun keupayaan dirinya.

Lapan tahap yang dinyatakan oleh Erikson dalam bukunya *Childhood and Society* adalah seperti berikut: Pertama, peringkat kepercayaan lawan tidak percaya. Kedua, peringkat autonomi lawan ragu atau malu. Seterusnya, peringkat inisiatif lawan rasa bersalah diikuti pula peringkat kecekapan lawan rasa rendah diri. Kelima, peringkat identiti lawan kekeliruan peranan diikuti peringkat intim lawan pengasingan. Seterusnya, peringkat menjana lawan tetap dan peringkat keutuhan lawan putus harapan. Namun, empat peringkat awal dalam perkembangan ini sangat memberi impak kepada pembentukan percaya diri individu iaitu:

- 1) Percaya lawan tidak percaya – Peringkat ini berlaku pada umur lahir hingga 1 setengah tahun. Pada peringkat awal ini bayi mula membina kepercayaan kepada orang yang signifikan dengannya seperti ibu atau pengasuhnya. Sekiranya tempoh tersebut dilalui dengan baik, bayi akan membina perasaan percaya terhadap persekitarannya dan melihat perkara yang berlaku disekelilingnya pada pandangan yang baik.
- 2) Autonomi lawan ragu atau malu – Peringkat ini pula berlaku pada umur 1 setengah tahun hingga ke 3 tahun. Pada peringkat ini pula, kanak-kanak mula mempunyai keinginan yang sangat kuat untuk memiliki kuasa bagi melakukan sesuatu dengan daya usaha sendiri. Sokongan, kebebasan dan ruang yang diberikan oleh ibu bapa akan menimbulkan rasa percaya pada keupayaan diri. Namun, keterbatasan ruang yang diberikan untuk mengeksplorasi diri dan melakukan sesuatu akan menimbulkan perasaan ragu-ragu, malu, takut untuk melakukan kesalahan dan seterusnya kanak-kanak tersebut hilang rasa percaya diri dan kurang berdikari.
- 3) Inisiatif lawan rasa bersalah – Peringkat ini berlaku pada umur 3 hingga 5 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai banyak idea untuk berkreativiti, aktif bereksperimen, berimajinasi, berani dan senang bergaul. Walaubagaimanapun, persekitaran yang tidak menyokong seperti sering dikritik akan mengganggu perkembangan tersebut yang akhirnya akan menimbulkan emosi yang negatif terhadap diri, merasa salah pada setiap tindakannya sehingga sering timbul perasaan bersalah.
- 4) Kecekapan lawan rasa rendah diri – Peringkat ini berlaku pada kanak-kanak berumur 5-12 tahun. Kanak-kanak pada peringkat ini menjadi lebih serius untuk menyelesaikan tugas dengan memberi lebih perhatian dan berhati-hati atas setiap tindakan. Galakan yang diberikan pada peringkat ini akan memperkembangkan kemahiran dan kegigihan dalam menyelesaikan tugas seterusnya melahirkan individu yang tekun dalam menguasai pengetahuan dan membina keterampilan intelektual. Kanak-kanak yang tidak diberi dorongan bahkan sering dimarah atau dibiarkan, akan timbul rasa rendah diri, tidak yakin dan tidak produktif dalam setiap tindakannya.

Menurut Tiara Emiliza (2019), setiap tahap dalam teori Erikson berkait dengan kemampuan seseorang dalam kehidupan. Teori ini berpandangan, percaya diri dipengaruhi oleh pengaruh keluarga dan persekitaran di mana konsep sendiri fizikal, sosial dan akademik seseorang itu dibentuk. Pembentukan konsep sendiri yang mencerminkan sudut pandang seseorang terhadap dirinya dan keperibadiannya salah satunya adalah melalui interaksi individu dengan orang yang signifikan dalam persekitarannya. Pembentukan konsep sendiri ini jelas terbentuk pada peringkat pertama hingga keempat yang mana akhirnya membentuk keperibadian individu pada peringkat kelima hingga kelapan. Interaksi yang sihat pada peringkat tersebut dapat memperkembangkan peribadi anak yang sihat, mempercayai dirinya sendiri dan dapat menyesuaikan diri dengan baik dalam persekitarannya (Tiara Emiliza 2019). Pelajar yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi akan memberi pengaruh yang positif dalam meningkatkan prestasi dirinya (Asiyah et al. 2019).

Justeru, teori ini menjelaskan bahawa aspek kepercayaan diri yang tumbuh dan berkembang sejak kecil melalui tindakbalas individu dengan persekitarannya sangat memberi pengaruh kepada kepercayaan diri individu terhadap kemampuan dirinya termasuk hal yang berkaitan dengan kecerdasan. Kepercayaan yang positif terhadap kecerdasan diri ini memacu tindakan individu untuk lebih berusaha ke arah mencapai kecemerlangan dalam akademik.

### Teori Kepercayaan Diri

Lauster yang mengasaskan Teori Kepercayaan Diri berpendapat kepercayaan diri adalah keyakinan terhadap kemampuan diri sehingga seseorang itu dapat bertindak secara positif sesuai dengan kehendak dan tanggungjawabnya tanpa dipengaruhi oleh orang lain (Nur Fauziyah 2017). Ia bermaksud individu yang mempunyai kepercayaan diri yang tinggi lebih yakin menentukan arah tuju tindakannya dengan baik sesuai dengan kehendak diri dan persekitaran. Menurut Lauster, kepercayaan diri setiap individu didasari oleh dua faktor iaitu internal dan eksternal (Nur Fauziyah 2017). Kepercayaan diri boleh didorong oleh faktor internal iaitu sisi dalaman individu berdasarkan konsep sendiri yang dibentuk, nilai atau penghargaan seseorang kepada dirinya, keadaan fizikal seseorang dan pengalaman hidup yang dilalui oleh seseorang sepanjang kehidupannya. Manakala kepercayaan diri yang dipengaruhi oleh faktor eksternal adalah aspek kepercayaan diri yang diterima daripada sisi luaran melalui didikan yang diterapkan, pekerjaan yang dilakukan dan keadaan persekitaran yang dihadapi.

Berdasarkan teori kepercayaan diri Lauster, pembentukan kepercayaan diri berlaku melalui pembentukan keperibadian, pemahaman individu tentang kelebihan diri, penerimaan terhadap kelemahan diri dan pengalaman dalam menggunakan kelebihan diri. Teori ini memperlihatkan bagaimana individu melihat dirinya dan membentuk keperibadiannya sama ada positif atau negatif mempengaruhi kepercayaan seseorang terhadap dirinya. Pemahaman dan penerimaan seseorang terhadap kekuatan dan kekurangan dirinya juga memberi impak ke atas kepercayaan diri individu terhadap keupayaan dirinya.

Pelajar yang mempunyai rasa percaya diri tinggi hasil daripada cara pembentukan yang positif dan menggalakkan dapat membantu pelajar dalam menerima pembelajaran yang disampaikan serta mengembangkan pontesi yang dimiliki dalam pembelajaran (Nur Fauziyah 2017; Gunawan 2018). Teori Kepercayaan Diri Lauster juga selari dengan pandangan Teori Psikososial Erik Erikson yang mengambil kira persekitaran positif memberi impak terhadap pembentukan keperibadian dan kepercayaan yang tinggi terhadap kemampuan diri bagi mendorong individu berusaha mencapai arah tuju.

## Teori Efikasi Kendiri


Efikasi kendiri (*Self efficacy*) adalah istilah yang diperkenalkan oleh tokoh psikologi Albert Bandura. Pada pandangan beliau efikasi kendiri merujuk kepada keyakinan seseorang mengenai keupayaan dirinya dalam melakukan sesuatu tugas seperti yang dikendaki (Siti Awanis Mohd, Ainon Madiyah Mohd Nawawi & Siti Noor Ismail 2016). Efikasi kendiri pada amalannya sinonim dengan keyakinan diri. Efikasi kendiri adalah penilaian peribadi tentang kemampuan melaksanakan tindakan yang diperlukan bagi mencapai matlamat yang dituju atau menangani situasi yang mungkin berlaku (Wan Hanum Suraya Wan Mohamed & Jamal @ Nordin Yunus 2019). Justeru, teori efikasi kendiri juga merujuk kepada kepercayaan diri individu terhadap kemampuannya dalam mencapai sesuatu yang diinginkan. Efikasi kecerdasan kendiri merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap kecekapannya dari segi intelek.

Menurut teori ini, efikasi kendiri memberi kesan kepada pencapaian dengan meningkatkan keupayaan dan keteguhan individu terhadap sesuatu yang diusahakannya. Individu yang berefikasi kendiri tinggi akan lebih rajin dan mempunyai ketahanan bekerja dalam tempoh lebih lama berbanding individu yang berefikasi kendiri rendah (Siti Awanis Mohd, Ainonmadiyah Mohd Nawawi & Siti Noor Ismail 2016). Pendapat ini selari dengan pandangan Wan Hanum Suraya Wan Mohamed dan Jamal @ Nordin Yunus (2019) yang menyatakan individu yang tinggi kecekapan kendiri akan bertindak dalam situasi yang baru dengan cara yang lebih yakin, meletakkan matlamat yang tinggi dan terus berusaha dan percaya dalam memperoleh kejayaan.

## Model Jangkaan Efikasi Kendiri

Model Jangkaan Efikasi Kendiri yang dipelopori oleh Betz (seperti yang dinyatakan dalam Wan Hanum Suraya Wan Mohamed dan Jamal @ Nordin Yunus, 2019) juga menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Albert Bandura sebelum ini. Menurut Betz tingkah laku mendekati merujuk kepada perkara yang ingin diperolehi oleh individu dan diusahakan dengan bersungguh untuk mendapatkannya. Manakala tingkah laku menjauhi ialah perkara yang tidak diingini oleh individu dan tidak akan diusahakan. Penjelasan ini digambarkan seperti dalam rajah 2.

Justeru pelajar yang berefikasi tinggi cuba mencari pelbagai peluang dan ruang untuk mendapatkan perincian tentang ilmu yang dipelajari dan cuba menguasai sebaiknya. Betz juga menyatakan individu yang berefikasi tinggi akan tekun (*persistence*) untuk cuba mengatasi halangan atau rintangan dengan pelbagai cara. Manakala, Individu yang berefikasi rendah pula, lebih cenderung menerima sahaja hakikat dan terus-menerus statik dalam situasi tersebut.



Rajah 2 Model Jangkaan Efikasi Kendiri

Sumber: Betz (seperti yang dinyatakan dalam Wan Hanum Suraya Wan Mohamed dan Jamal @ Nordin Yunus, 2019)

### Teori Kecerdasan

Pelbagai teori telah membincangkan tentang kecerdasan sejak dahulu lagi sehingga menghasilkan pelbagai cara bagi mengukur kecerdasan (Sternberg, 2000). Terdapat juga teori kecerdasan yang telah mencetuskan pelbagai perdebatan antaranya kecerdasan berpunca dari baka atau persekitaran, semulajadi atau dipupuk dan banyak lagi. Berikut adalah sebahagian teori kecerdasan yang menjadi asas kepada perbincangan berkaitan kepercayaan kecerdasan diri:

#### Teori Kecerdasan Umum Spearman

Menurut Spearman (1927) kecerdasan ialah keupayaan umum yang menjadi asas kepada pelbagai tingkah laku. Kecerdasan umum ini dikenali sebagai (*g -general intelligence*). Spearman berpendapat kecerdasan umum bagi setiap individu berbeza antara satu sama lain. Individu yang berkeupayaan dalam suatu aspek akan turut cerdas dalam pelbagai aspek lain. Ini bermaksud, sekiranya seseorang pelajar yang cemerlang dalam mata pelajaran tertentu cenderung mendapat markah yang baik dalam mata pelajaran yang lain. Namun, pandangan beliau mendapat pelbagai kritikan kerana manusia biasanya mempunyai kecerdasan tertentu dalam sesuatu bidang dan tidak merangkumi bidang yang lain. Rentetan daripada pandangan tersebut, Spearman menjelaskan tentang kewujudan beberapa faktor keupayaan khusus (S) yang mampu mempengaruhi prestasi keseluruhan dalam penilaian kecerdasan seseorang individu. Teori ini menekankan pencapaian seseorang itu sangat berkait rapat dengan kecerdasan umum yang dimilikinya. Teori ini tidak menjelaskan tentang keperluan kepercayaan seseorang terhadap kecerdasan diri dalam menentukan pencapaian akademik pelajar.



## Teori Keupayaan Mental Asas Thurstone

Thurstone (seperti yang dinyatakan dalam Pal, Pal & Tourani) menolak pandangan Spearman berkaitan kecerdasan umum. Beliau berpandangan setiap individu mempunyai keupayaan asas dan kebolehan kognitif yang pelbagai. Ia merangkumi tujuh faktor iaitu; 1) keupayaan visualisasi ruang, 2) ingatan, 3) kepantasan membuat persepsi, 4) kelancaran berbahasa, 5) kebolehan menaakul, 6) kemahiran mengira dan 7) kebolehan memberi pengucapan yang bermakna. Beliau percaya bahawa setiap kebolehan ini tidak saling berkaitan. Thurstone menjelaskan kecerdasan seseorang didasari oleh pelbagai faktor dan tujuh faktor kecerdasan spesifik ini lah yang memberi pengaruh kepada prestasi pencapaian seseorang dalam akademik. Walaubagaimanapun, kajian Thurstone tidak menyentuh isu kepercayaan diri terhadap tujuh faktor kecerdasan tersebut memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar.

## Teori Struktur Intelek J.P Guilford

Guilford (seperti yang dinyatakan dalam Pal, Pal & Tourani) juga seperti Thurstone (1938) yang menafikan pengaruh faktor kecerdasan umum. Namun menurut Guilford, kecerdasan tidak terhad kepada tujuh faktor. Beliau mendapati setiap individu mempunyai 120 faktor kecerdasan yang diwakili oleh tiga dimensi utama; Pertama, proses pemikiran yang merangkumi ingatan, kognisi penilaian, pemikiran bercapah dan pemikiran bertumpu. Kedua, kandungan maklumat yang difikirkan termasuk simbol, tingkah laku, semantik dan figura. Ketiga, produk atau hasil daripada pemikiran seperti kelas, hubungan, sistem transformasi, dan implikasi. Guilford berpandangan kecerdasan adalah satu koleksi keupayaan sistematik yang berfungsi untuk memproses pelbagai maklumat dalam bentuk yang berbeza. Selari dengan Thurstone, teori beliau juga hanya menekankan tentang keupayaan mental tanpa hubungan dengan aspek yang lain seperti kepercayaan sendiri.

## Teori Kecerdasan Sternberg

Robert Sternberg (1981) adalah seorang penyelidik dalam bidang kognitif yang mengasaskan teori tentang bagaimana manusia memproses maklumat. Beliau percaya kecerdasan mengandungi banyak aspek dan tidak tertumpu kepada aspek keupayaan yang diukur melalui ujian kecerdasan tradisi. Kepercayaan beliau ini dipengaruhi oleh pengalaman beliau pada waktu kecil yang sering mendapat skor rendah dalam ujian kecerdasan dan kerap mengalami kebimbangan terhadap ujian. Walaubagaimanapun, beliau kemudiannya berjaya memperoleh PhD dan menjadi seorang penyelidik. Beliau berpandangan bahawa kecerdasan manusia merujuk kepada kemahiran dalam banyak aspek.

Sternberg dalam teori "*triarchic*" kecerdasan, menjelaskan tiga jenis kecerdasan yang meliputi keupayaan komponen, pengalaman dan konteks. Kecerdasan komponen ialah keupayaan dalam pemprosesan maklumat. Keupayaan ini sangat penting menentukan prestasi akademik. Kecerdasan pengalaman pula merujuk kepada kebolehan membentuk idea baru dan menghubungkan fakta termasuk pengalaman yang pelbagai secara spontan. Manakala, kecerdasan konteks adalah keupayaan individu dalam menyesuaikan diri terhadap perubahan persekitaran dengan membentuk situasi sosial yang praktikal. Manusia yang tinggi kecerdasan konteks mampu menangani masalah dengan baik mengikut kepada situasi.

Kefungsian individu dalam pelbagai situasi akan banyak membantu seseorang dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan. Individu yang hebat dalam suatu jenis kecerdasan tidak menentukan kehebatannya pada jenis kecerdasan lain. Namun, Sternberg percaya bahawa setiap jenis kecerdasan ini boleh di perbaiki dan dipertingkatkan jika dilatih.

(Sternberg 1980). Sternberg juga menekankan bahawa keupayaan individu dalam pemprosesan maklumat adalah sangat penting dalam menentukan prestasi akademik pelajar.

### Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner

Howard Gardner (seperti yang dinyatakan dalam Siti Rahayah et al., 2004) adalah pengasas kepada teori kecerdasan pelbagai. Beliau percaya bahawa otak manusia sebenarnya mengembangkan kecerdasan yang pelbagai untuk keupayaan-keupayaan adaptif yang berbeza. Ini menunjukkan bahawa individu yang cerdas dalam sesuatu bidang tidak semestinya mempunyai kecerdasan dalam bidang yang lain. Menurut Gardner, setiap individu mempunyai lapan aspek kecerdasan tetapi kadar kecenderungan dan kekuatan individu bagi setiap aspek adalah berbeza. Lapan kecerdasan tersebut ialah logik matematik, linguistik, muzik, ruang, kinestetik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Menurut Gardner, lapan kecerdasan ini boleh dikembangkan melalui pendidikan, pengalaman dan persekitaran (Siti Rahayah et al. (2004).

### Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget

Piaget (seperti yang dinyatakan dalam Xenia Naidenova, 2001) dalam teorinya menjelaskan tentang pembentukan keupayaan, fikiran dan penyelesaian masalah individu. Beliau memberi perhatian kepada kanak-kanak dalam persekitaran semula jadi mereka. Terdapat empat konsep yang diperkenalkan oleh Piaget dalam memahami bagaimana proses pemikiran seseorang terbentuk iaitu skema, asimilasi, akomodasi dan adaptasi. Skema adalah struktur kognitif pertama dalam pemikiran manusia yang mengarah kepada tingkah laku. Manakala adaptasi adalah langkah penyesuaian yang muncul dalam pemikiran akibat ketidakseimbangan dalam persekitaran. Penyesuaian yang dilakukan terhadap skema membawa kepada keperluan akomodasi dan asimilasi bagi menghasilkan tingkah laku baru.

Teori kecerdasan yang dibincangkan hanya merujuk kepada keupayaan-keupayaan tertentu yang dimiliki individu dalam aspek pemikiran, pemprosesan maklumat dan penyelesaian masalah. Namun, teori yang dibincangkan hanya merujuk kepada keupayaan tersebut sebagai penentu kepada pencapaian akademik pelajar.

### Teori Kepercayaan Kecerdasan Diri

Teori kepercayaan kecerdasan adalah Teori Kecerdasan Entiti dan Teori Kecerdasan Peningkatan Dweck dan Legget (1988).

#### Teori Kecerdasan Entiti dan Teori Kecerdasan Peningkatan (Dweck & Legget 1988)

Menurut pandangan psikologi sosial dan perkembangan dalam Teori Kecerdasan Tersirat individu itu merujuk kepada kepercayaan asasnya mengenai kecerdasan itu sendiri sama ada ia boleh berubah atau tidak. Kajian ini telah dipelopori oleh Dweck dan Legget (1988) dalam artikelnya "*A social-cognitive approach to motivation and personality*".

Teori ini kemudian dikembangkan kepada dua teori iaitu Teori Kecerdasan Entiti dan Teori Kecerdasan Peningkatan. Menurut ahli teori kecerdasan entiti, kemampuan intelektual dilihat sebagai sesuatu yang tidak berubah dan dimiliki dalam keadaan yang sama walau diusahakan dengan cara apa pun. Manakala ahli teori kecerdasan peningkatan berpandangan keupayaan intelek sebagai sesuatu yang boleh dipertingkatkan masa demi masa (Champagne 2015). Kepercayaan diri individu terhadap kecerdasannya sangat mempengaruhi arah

tindakannya untuk berusaha ke arah mencapai kecemerlangan ataupun terus kekal berada pada tahap yang sama.

Hasil kajian Sulistiawati dan Arumella Surgandini (2019) mendapati salah satu punca pelajar mempunyai masalah pembelajaran adalah kerana mereka mempunyai keyakinan diri pada tahap lemah, cenderung merasa ragu, bimbang akan kesan yang ditimbulkan kepada orang lain dan mempunyai kompleks rendah diri. Justeru, sistem kepercayaan pelajar terhadap kecerdasan dirinya perlu dibentuk secara positif agar dapat memberi motivasi kepada individu ke arah pencapaian dan peningkatan dalam akademik.

## IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan terdapat pelbagai teori yang membincangkan tentang aspek kepercayaan diri, kecerdasan dan kepercayaan kecerdasan diri. Teori kepercayaan diri menjelaskan tentang konsep kepercayaan diri, faktor pembentukan kepercayaan diri, kesan persekitaran yang positif terhadap kepercayaan diri yang baik dan bagaimana hubungan aspek kepercayaan diri terhadap pencapaian pelajar. Hasil penelitian memberi gambaran bahawa kepercayaan diri merupakan keyakinan yang terbentuk dalam diri pelajar melalui berbagai faktor luaran dan dalaman yang menjadi pendorong kepada usaha dan kegigihan mereka dalam menghadapi cabaran. Teori kecerdasan pula menyatakan konsep kecerdasan, pelbagai faktor, aspek kecerdasan dan fungsi pelbagai kecerdasan. Kebanyakan teori kecerdasan yang dinyatakan juga menyatakan bahawa kecerdasan tidak kekal dan boleh dipertingkatkan melalui pelbagai cara, antaranya latihan, pendidikan, pengalaman dan persekitaran. Hasil kajian berkaitan teori kepercayaan kecerdasan diri juga menjelaskan tentang kepercayaan kecerdasan diri adalah merujuk kepada keyakinan individu iaitu pelajar tentang kemampuan kecerdasan mereka samada statik atau berubah-ubah memberi pengaruh kepada daya usaha pelajar dalam mencapai matlamat.

Implikasi daripada kajian ini dapat memberi pemahaman kepada penyelidik dalam memahami konsep kepercayaan, konsep kecerdasan dan konsep kepercayaan kecerdasan diri dengan lebih jelas bagi kajian lanjutan berkaitan dengan kepercayaan kecerdasan pelajar. Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada institusi-institusi pengajian, para pendidik dan ibu bapa bagi membantu membentuk kepercayaan diri pelajar secara positif sejak kecil dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dalam akademik seterusnya berjaya dalam kehidupan yang lebih luas di masa hadapan.

Secara kesimpulannya, teori yang dibentangkan dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan kepercayaan kecerdasan diri dan pengaruhnya secara langsung atau tidak langsung terhadap pencapaian akademik pelajar.

## RUJUKAN

- Asiyah, Ahmad Walid, Raden Gamal & Tamrin Kusuma. 2019. Pengaruh rasa percaya diri terhadap motivasi berprestasi siswa pada mata pelajaran IPA. *Scholaria Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 9 (3):217-226.
- Azizi Yahya. 2008. *Kecerdasan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Champagne, C.R. 2015. *Children 's Implicit Beliefs About Intelligence*. Public Access Theses and Dissertations from the College of Education and Human Sciences.
- Desi Natalia Patioran. 2013. Hubungan antara kepercayaan diri dan aktualisasi diri pada Karyawan Pt. Duta Media Kaltim Press (Samarinda Pos). *Jurnal Motivasi*. 1(1)

- Dewar, G. 2010. *Harmful Beliefs: How a Theory of Intelligence Can Hamper Your Child's Ability to Learn*. Parenting Science. <http://www.parentingscience.com/theory-of-intelligence.html>. (17 Mac 2021)
- Dweck & Legget. 1988. A social-Cognitive Approach to Motivation and Personality. *Psychological Review*. Vol. 95, No. 2,256-273. [https://www.unco.edu/cebs/psychological-sciences/about-us/faculty-staff/pugh-kevin/dweck\\_leggett88.pdf](https://www.unco.edu/cebs/psychological-sciences/about-us/faculty-staff/pugh-kevin/dweck_leggett88.pdf). (17 Mac 2021)
- Erikson, E. H. (1950). *Childhood and society*. W W Norton & Co.
- Emria Fitri, Nilma Zola & Ifdil Ifdil. 2018. Profil kepercayaan diri remaja serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. *Jurnal Penelitian Pendidikan Indonesia*.
- Fauziyah, Nur. 2017. Studi Komparasi Kepercayaan diri Mahasiswa dalam Menyelesaikan Skripsi Antara Alumni Pondok Pesantren dan Non Pondok Pesantren Program Studi Pendidikan Bahasa Arab STAIN Kediri. Undergraduate (S1) thesis, IAIN Kediri. <http://etheses.iainkediri.ac.id/id/eprint/243> (17 Mac 2021)
- Gumilar Mulya & Anggi Setia Lengkana. 2020. Pengaruh kepercayaan diri, motivasi belajar terhadap prestasi belajar pendidikan jasmani. *Jurnal Pendidikan Kepelatihan Olahraga* 12(2).
- Gunawan, H. M. 2018. *Hubungan antara Kepercayaan Diri dengan kemampuan menulis kreatif Siswa Kelas XI MAN 2 Bogor*. Etheses UIN Maulana Malik Ibrahim Malang. Diakses pada 17 Mac 2021, dari <http://etheses.uin-malang.ac.id/12184/1/13410038.pdf>.
- Kamus Dewan. 2017. Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi 4. <https://prpm.dbp.gov.-my/Cari1?keyword=kepercayaan> (10 Mac 2021)
- Koh Mei Ying & Faridah Mydin Kutty. 2020. Efikasi sendiri akademik, hubungkaitan fakulti dan penyesuaian akademik di dalam kalangan pelajar Cina tahun pertama UKM. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(2): 178-186.
- Nurull Salmi Md. Dazali & Isha Awang. 2017. Tahap Keyakinan Diri dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan, di Universiti Utara Malaysia. *EDUCATUM – Journal of Social Science*, Vol. 3 2017. <https://ojs.upsi.edu.my> (17 Mac 2021)
- Pal. H.R., Pal. A & Tourani, P. (2004) *Theories of Intelligence*. Everyman's Science VOL. XXXIX NO. 3. <http://www.dspmuranchi.ac.in/pdf/Blog/theories%20of%20intelligence.pdf>. (18 Mac 2021)
- Sternberg, Robert J. 2000. *Human Intelligence*. Encyclopædia Britannica, Inc., <https://www.britannica.com/> (17 Mac 2021)
- Sternberg, Robert. 2004. Culture and Intelligence. *American Psychologist* 59(5):325-38. [https://www.researchgate.net/publication/8206383\\_Culture\\_and\\_Intelligence/references](https://www.researchgate.net/publication/8206383_Culture_and_Intelligence/references). (17 Mac 2021)
- Spearman, C. (1927). *The Abilities of Man: Their Nature and Measurement*. London, England:MacMillan. <https://www.gwern.net/docs/iq/1927-spearman-theabilitiesofman.pdf>. (18 Mac 2021)
- Siti Awanis Mohd, Aionmadiyah Mohd Nawawi dan Siti Noor Ismail. 2016. Tahap efikasi guru dan hubungannya dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok. *Proceeding of ICECRS*, (1): 312-326.
- Siti Rahayah Ariffin, Subhan Mohd Meerah, Norasmahothman & Ibrahim Mohamed Zin. 2004. Analisis kecerdasan pelbagai (multipleintelligences) di kalangan pensyarah di sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Jurnal Teknologi* 41(E): 33–42
- Sulistiawati, Arumella Surgandini. 2019. Investigating the learning obstacle and the self confidence of students college in material understanding ability of linear algebra course. *International Journal of Scientific & Technology Research* 8(9): 405-411.

- Tiara Emiliza. 2019. Konsep psikososial menurut teori Erik H. Erikson terhadap pendidikan anak usia dini dalam tinjauan pendidikan Islam. <http://repository.iainbengkulu.ac.id/3899/1/TIARA%20EMILIZA.pdf> (17 Mac 2021).
- Wan Hanum Suraya Wan Mohamed & Jamal @ Nordin Yunus. 2019. Tinjauan efikasi sendiri pelajar berdasarkan kategori sekolah dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah harian di Perak. *International Conference on Education and Teaching Development*. <https://www.researchgate.net/publication-n/334774027> (17 Mac 2021)
- Xenia Naidenova. 2001. J. Piaget's theory of intelligence: operational aspect. *Computer Science Journal of Moldova*, vol.9, no.2(26), 2001. [https://www.researchgate.net/publication/266274565\\_J\\_Piaget's\\_theory\\_of\\_intelligence\\_Operational\\_aspect](https://www.researchgate.net/publication/266274565_J_Piaget's_theory_of_intelligence_Operational_aspect). (18 Mac 2021)

Shazarina Zdainal Abidin\*  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Suhana Mohamed Lip  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia

Suziana Hanini Sulaiman  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Muhammad Fuad Ishak  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Sapie Sabilan  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Norshilawani Shahidan  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Natasha Ariffin  
Fakulti Pendidikan  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat: [shazarina@kuis.edu.my](mailto:shazarina@kuis.edu.my)

Received: 14 03 2022 / Accepted: 13 06 2022 / Published: 20 05 2023